

ANALISIS PENGALAMAN MENGAJAR GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM KESEDIAAN MELAKSANAKAN PENGAJARAN SECARA DALAM TALIAN

*(Analysis of Teaching Experience of Islamic Education Teachers In Readiness
To Implement Online Teaching)*

Submitted: 29-Apr-2024

Accepted: 5-Mei-2024

Revised: 24-Jun-2024

Published: 30-Jun-2024

**Mohamad Fuad Haji Ishak¹, Sapie Sabilan², Suhana
Mohamed Lip³, Suziana Hanini Sulaiman⁴, Shazarina
Zdainal Abidin⁵**

¹Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia

*Corresponding author's email: fuadishak@uis.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tempoh pengalaman mengajar guru-guru pendidikan Islam (GPI) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) terhadap kesediaan melaksanakan pengajaran secara dalam talian berdasarkan perbezaan tempoh pengalaman mengajar guru. Justifikasi kajian ini dilaksanakan kerana terdapat keperluan untuk menilai tahap kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pengajaran secara teradun dengan menggabungkan secara dalam talian dan bersemuka dan hubungannya dengan tempoh pengalaman mereka. Keadaan guru yang pelbagai tahap pendidikan dan pengalaman mengajar serta tiada ikhtisas pendidikan, menjadi faktor utama kajian ini dilaksanakan. Instrumen soal selidik diedarkan kepada 61 orang GPI JAIS yang terdiri daripada pelbagai jenis sekolah di Selangor. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu latar belakang guru dan kesediaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian. Perbincangan kajian ini hanya berfokus kepada aspek kesediaan guru pengajaran secara dalam talian dan faktor pengalaman guru. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS melalui analisis kuantitatif secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian secara deskriptif menunjukkan bahawa GPI JAIS dalam kesediaan melaksanakan pengajaran dalam talian berada di tahap yang sederhana tinggi. Manakala dari aspek perbezaan tempoh mengajar pula menunjukkan GPI JAIS yang mempunyai pengalaman 16 tahun dan ke atas lebih bersedia. Walau bagaimana pun GPI JAIS yang mempunyai pengalaman 5 hingga 10 tahun lebih banyak menggunakan teknologi secara dalam talian. Hasil kajian ini, boleh menjadi cadangan penambahbaikan kualiti guru pendidikan Islam pihak di JAIS dalam memberi latihan pendekatan pengajaran melalui dalam talian.

Kata kunci: Kesediaan Guru, Pembelajaran atas Talian, Pendidikan Islam

Abstract

This study aims to analyze the teaching experience period of Islamic Education teachers (GPI) from the Selangor Islamic Religious Department (JAIS) regarding their readiness to implement online teaching, based on the differences in their teaching experience. The justification for this study arises from the need to assess the readiness of GPI JAIS in integrating blended online and face-to-face teaching, considering their varied educational backgrounds, teaching experience levels, and lack of educational specialization. A questionnaire was distributed to 61 GPI JAIS teachers from various types of schools in Selangor. The study utilized a questionnaire consisting of two main components: teacher background and readiness for online teaching and learning (PdP). The discussion of this study

focuses solely on the readiness of teachers for online teaching and the factor of teaching experience. Descriptive findings indicate that GPI JAIS teachers' readiness for online teaching is moderately high. Regarding the differences in teaching experience, teachers with 16 years and above of experience showed higher readiness. However, teachers with 5 to 10 years of experience tended to use online technology more frequently. These study results can serve as recommendations for improving the quality of Islamic Education teachers at JAIS in providing training on online teaching approaches.

Keywords: Teacher Readiness, Online Learning, Islamic Education

1.0 PENGENALAN

Pihak Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melaksanakan sistem pendidikan berdasarkan *Integrated Holistic Education System* (IHES) dan Pelan Strategik JAIS 2019-2023 dengan mengintegrasikan pendidikan yang mengambil sumber dari ilmu naqli dan aqli secara holistik dan komprehensif. Ia sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam JAIS. Pendekatan berasaskan hasil pembelajaran telah dipilih untuk menggantikan pendekatan berpusatkan peperiksaan. Dalam menyokong hasrat ini, penting bagi guru-guru JAIS untuk memiliki kecekapan dalam bidang ilmu teknologi pendidikan. Tambahan pula, keperluan pembelajaran atas talian semasa dan selepas fasa pandemik COVID-19, menjadi semakin penting bagi menilai tahap kesiapan dan keupayaan guru-guru dalam menggunakan teknologi dalam pengajaran (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2013, 2018; Mohammad Amir Danuri, 2017).

Bagi melaksanakan hasrat JAIS, aspek perancangan guru dan aktiviti yang akan dilaksanakan dalam pengajaran merupakan salah satu penentu kejayaan pembelajaran murid secara atas talian. Mohd Aderi et al, (2014) menjelaskan agar guru perancangan peringkat awal pengajaran sangat berperanan mencetuskan kefahaman awal di kalangan pelajar malahan berkemampuan memberi impak kepada nilai penghayatan pelajar. Manakala Syaubari (2021) menjelaskan strategi perancangan pengajaran adalah penting untuk membina dan mengukuhkan minat pelajar-pelajar terhadap pembelajaran melalui teknik soal jawab serta membimbing mereka supaya bersedia untuk meneruskannya secara sendiri. Perancangan yang baik memerlukan jalinan yang seiring dengan pembentukan objektif yang jelas, tepat dan menyeluruh.

Kepentingan aktiviti pengajaran pula dapat mewujudkan pengajaran yang berkesan. Kepelbagaian di dalam Teknik dalam aktiviti pengajaran merupakan keperluan di dalam melahirkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) yang berkesan Brookhart, (2012). Aktiviti pembelajaran melalui teknik pengajaran yang berkesan berkeupayaan mendorong dan merangsang pemikiran pelajar. Manakala Syaubari 2021 berpandangan peranan guru adalah menggerakkan minda dengan disepadukan dengan pengetahuan dan kemahiran yang terperinci bagi memastikan pendekatan yang digunakan dapat memberi impak yang terbaik.

Aspek lain yang dilihat sebagai faktor kejayaan pengajaran GPI ialah pengalaman yang lama dalam bidang profesion guru. Muhammad Qutb (1988) menjelaskan bahawa profesionalisme guru serta pengalaman mereka dalam mendidik berkait rapat dengan kejayaan sahsiah murid secara menyeluruh dari aspek rohani, jasmani, intelek dan sosial. Melalui pengalaman juga guru mampu mempelbagaikan penggunaan strategi pengajaran melalui penilaian bagi memantau keberkesanan pengajaran mereka (Murphy, 1987). Guru yang mempunyai pengalaman dan kemahiran bukan sahaja berupaya mendorong dan merangsang pemikiran pelajar malah mampu meningkatkan keyakinan diri dan

pelajarnya daripada bersifat pasif atau pendiam kepada pembelajaran yang lebih aktif (Ashraf, 2014; Mohd Anuar, 2014).

2.0 LATARBELAKANG MASALAH

Apabila fenomena wabak Covid-19 berlaku, sistem pendidikan dunia telah berubah. Pembelajaran secara atas talian telah menjadi salah satu alternatif bagi kelangsungan pendidikan di Malaysia. Oleh itu, pembelajaran atas talian ini menjadi pilihan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) khususnya JAIS untuk mengarahkan guru-guru pendidikan Islam melaksanakannya. Berpandukan dasar dan pekeliling pelaksanaan mod pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dikeluarkan, maka perkara ini telah menjadi perbincangan hangat berkaitan aspek kesiediaan guru untuk melaksanakannya (Sapie et al., 2022).

Konsep pembelajaran secara dalam talian memerlukan kemahiran teknologi yang mencukupi dalam kalangan guru (Bluestone et al., 2012). Oleh demikian, para guru dikehendaki untuk menguasai ilmu pengetahuan berkaitan teknologi untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif pada pembelajaran abad ke-21 (You Eng & Choon Keong, 2019). Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang menguasai bidang utama pengajian Islam seperti Ibadah, Tilawah Al-Quran, Akhlak dan al-Hadis juga perlu menguasai ilmu teknologi pendidikan (Razila et al., 2019) bagi menghadapi cabaran pendidikan secara atas talian selepas berlaku wabak Covid-19. Bagi menyahut cabaran ini, guru Pendidikan Islam perlu bersedia dengan kemahiran pengajaran dalam talian agar pengetahuan dapat disampaikan dengan berkesan. Namun begitu, terdapat halangan dalam kesiediaan guru berdasarkan kepada tinjauan literatur daripada kajian-kajian lepas.

Kajian Buell et al. 1999; Cains & Brown 1996; Martin et al. 1999 mendapati guru-guru yang merasa kurang bersedia kerana menganggap diri mereka tidak berpengalaman dan tidak mendapat latihan yang mencukupi. Manakala Mohd Amirul Bashah & Hafizhah Zulkifli. 2022 mendapati tahap kesiediaan guru terhadap penggunaan teknologi dari aspek pengetahuan adalah pada peringkat sederhana dan penggunaan teknologi digital menjadi satu bebanan kepada sesetengah guru di mana mereka lebih menggemari cara atau kaedah yang tradisional. Kajian Sylviano Abu Bakar & Hasmadi Hassan (2019) juga menyatakan tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan teknologi dalam pengajaran adalah sederhana. Hal ini menjelaskan terdapat isu dan cabaran yang wujud dalam usaha guru-guru Pendidikan Islam melaksanakan Pendidikan menggunakan teknologi dalam subjek Pendidikan Islam.

Berdasarkan kajian di atas, isu kekurangan pengalaman, kekurangan latihan dan kekurangan kemahiran penggunaan teknologi menjadi cabaran terhadap guru khususnya guru Pendidikan Islam. Sehubungan itu, kajian ini akan melihat tahap kesiediaan GPI JAIS melaksanakan pengajaran atas talian yang difokuskan terhadap perancangan pengajaran dan aktiviti guru. Kajian juga melihat faktor pengalaman guru untuk melihat tahap kesiediaan di kalangan mereka.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Kaedah tinjauan digunakan melalui instrumen soal selidik untuk mendapatkan data. Dalam kajian ini, seramai 61 orang responden kajian dijadikan sampel kajian daripada populasi kajian yang berjumlah 96 orang. Kaedah persapelan bertujuan digunakan dalam kajian ini. Populasi kajian terdiri daripada 96 orang guru yang mengikuti kursus Profesionalisme Keguruan di GPI JAIS. Mereka merupakan guru-guru dari Pra Sekolah, Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Selangor, Sekolah Rendah Agama Integrasi Jabatan Agama Islam Selangor, Kelas Asas Fardu Ain Integrasi Negeri Selangor serta Ma'had Integrasi Tahfiz Negeri Selangor. Para guru ini termasuk dalam kategori tetap, kontrak, dan sambilan, dan mereka mengajar di Selangor.

Instrumen pengumpulan data menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama dalam kajian ini untuk menganalisis tahap kesediaan Guru Pendidikan Islam (GPI) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam melaksanakan pembelajaran secara dalam talian. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu bahagian A: Demografi responden. Manakala bahagian B pula tahap kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pembelajaran secara dalam talian. Manakala struktur soalan soal selidik terdiri daripada 10 soalan yang menggunakan Skala Likert lima peringkat untuk menjawab item soal selidik. Data-data dikumpulkan sepenuhnya secara dalam talian menggunakan aplikasi *Google Form*.

Analisis data kajian ini menggunakan perisian SPSS versi 22.0. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif untuk mengenal pasti perbezaan tahap kesediaan berdasarkan tahap pengalaman guru juga dijalankan. Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji mengguna pakai interpretasi min yang dicadangkan oleh Azhar Ahmad, (2006) daripada Nunnally dan Bernstein (1994) iaitu tinggi (min 4.01 hingga 5.00), sederhana tinggi (min 3.01 hingga 4.00), sederhana rendah (min 2.01 hingga 3.00) dan rendah (min 1.00 hingga 2.00) (Ahmad Munawwar Ismail, 2009; Azhar Ahmad, 2006). Manakala ujian kekerapan digunakan untuk menganalisis perbezaan kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pembelajaran secara atas talian berasaskan pengalaman guru.

Dengan menggunakan pendekatan ini, penyelidik dapat memperoleh gambaran yang jelas mengenai tahap kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pembelajaran secara dalam talian, serta bagaimana faktor pengalaman guru mempengaruhi kesediaan tersebut.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini menunjukkan profil responden yang menyatakan data-data jantina, status tahap pendidikan responden, pengalaman responden, lokasi dan sekolah responden bertugas.

4.1 Profil Responden Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 61 orang responden dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang bertugas di Selangor. Dalam bahagian ini, maklumat berkaitan responden akan dihuraikan secara umum berdasarkan jumlah sampel kajian. Aspek-aspek yang akan disentuh meliputi jantina, tahap pendidikan, status jawatan, tempoh jawatan, jenis sekolah, dan daerah. Daripada jumlah keseluruhan peserta Kursus Profesionalisme Keguruan GPI JAIS tahun 2022 yang berjumlah 96 orang, penyelidik telah berjaya mendapatkan 61 orang responden, mewakili 9.74% daripada keseluruhan sampel. Perincian maklumat ditunjukkan seperti jadual 1.

Jadual 1 Profil Responden Kajian

Latar belakang	Responden	Frekuensi	Peratusan
Jantina	Lelaki	14	23.0
	Perempuan	47	77.0
Tahap Pendidikan	Spm	12	19.7
	Stpm/Stam	5	8.2
	Sijil/Diploma	29	47.5
	Sarjana Muda	15	24.6
Status Jawatan	Tetap	13	21.3
	Kontrak	36	59.0
	Sambilan	12	19.7
Pengalaman Guru	5 hingga 10 tahun	17	27.9
	11 hingga 15 tahun	16	26.2
	16 tahun dan ke atas	28	45.9
Jenis Sekolah	Pra Sekolah	3	4.9
	SRA	33	54.1
	SRAI	6	9.8
	KAFAI	18	29.5
	MITS	1	1.6
Daerah	Petaling	7	11.5
	Klang	9	14.8
	Kuala Langat	6	9.8
	Selangor	7	11.5
	Hulu Langat	4	6.6
	Gombak	9	14.8
	Kuala Selangor	6	9.8
	Sabak Bernam	7	11.5
	Hulu Selangor	6	9.8

Berdasarkan Jadual 1, terdapat 61 orang GPI JAIS yang menjadi responden kajian ini. Daripada jumlah tersebut, 14 orang (23%) adalah guru lelaki dan 47 orang (77%) adalah guru perempuan yang mengajar di Selangor. Tahap pendidikan mereka berbeza-beza: 12 orang (19.7%) memiliki kelulusan SPM, 5 orang (8.2%) berkelulusan STPM/STAM, dan 15 orang (24.6%) berkelulusan peringkat Sarjana Muda. Kelompok terbesar adalah guru dengan kelulusan sijil/diploma, iaitu seramai 29 orang (47.5%). Berkenaan status perjawatan, responden yang berstatus kontrak adalah yang paling ramai, iaitu 36 orang (59%), diikuti oleh 13 orang (21.3%) yang berstatus tetap dan 12 orang (19.7%) yang berstatus sambilan. Selain itu, guru yang berkhidmat selama 16 tahun dan ke atas merupakan kelompok terbesar, dengan 28 orang (45.9%), berbanding guru-guru yang berkhidmat selama 5 hingga 15 tahun.

Kategori sekolah, guru yang mengajar di SRA adalah paling ramai iaitu sebanyak 33 orang (54.1%) diikuti guru daripada KAFAI seramai 18 orang (29.5%). Manakala responden yang hadir daripada pra sekolah, SRAI dan MITS berada dalam jumlah yang sedikit iaitu sebanyak 16.3 peratus. Jumlah taburan sampel mengikut daerah dilihat dalam jumlah yang agak sekata iaitu antara 9.8 hingga 14.8 peratus.

Perbincangan berdasarkan faktor demografi responden menjelaskan bahawa jumlah taburan guru yang mempunyai pengalaman 16 tahun dan ke atas adalah lebih dominan berbanding guru yang mempunyai pengalaman di bawah 16 tahun. Pengalaman guru memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan pengajaran melalui strategi untuk membina tahap minat pelajar (Syaubari, 2021). Guru perlu bersedia menggunakan bahan bantu berasaskan ICT dan TMK dalam pengajaran hari ini. Kesiapan guru dalam menggabungkan sumber Bahan Bantu Mengajar (BBM) serta Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam pengajaran ialah bergantung kepada transformasi multimedia dalam dunia hari ini

yang boleh dimilikinya. Seseorang guru yang berwibawa dan peka terhadap transformasi akan cuba menarik minat pelajar dengan kaedah pengajaran yang popular dan kreatif merangkumi eksplorasi teknologi multimedia yang relevan dengan dasar keterbukaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Nawi, M.Z.M., 2020)

Selain itu, kesepaduan pengalaman guru dan kemahiran penggunaan bahan juga memberi impak terhadap pembelajaran murid. Kajian Affezah Ali et al. (2017) menunjukkan bahawa GPI JAIS memahami kepentingan penggunaan bahan-bahan PdP berasaskan teknologi (Affezah Ali et al., 2017). Walau bagaimana pun, terhadapat halangan pihak guru untuk melaksanakan secara lebih berkesan akibat bahan-bahan tersebut adalah terhad serta terdapat halangan lain seperti wifi sekolah yang lemah, kelas yang kurang kondusif dan keupayaan guru mengendalikan bahan-bahan tersebut (Sapie, 2022 ; Ab. Halim Tamuri et al., 2015). Keadaan ini menzahirkan permasalahan dan cabaran yang wujud di sekolah-sekolah agama JAIS dengan prasarana yang kurang mencukupi berbanding sekolah-sekolah di bawah KPM. Tambahan pula, keupayaan kewangan JAIS yang terhad untuk mengadakan kelengkapan pengajaran secara skala besar berasaskan jumlah sekolah dan guru sedia ada (Azizi Umar et al., 2013; Nor Raudah Siren et al., 2018 ; Sapie, 2022).

4.2 Tahap Kesiediaan Responden Melaksanakan Pengajaran Secara Dalam Talian.

a. Perancangan Guru

Berdasarkan Jadual 2, setiap item dalam subkonstruk tahap kesiediaan GPI JAIS dalam pengajaran secara dalam talian berasaskan perancangan guru berada pada tahap sederhana tinggi. Item dengan min paling tinggi ialah guru yang menggabungkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdPc) yang berkait dengan dunia sebenar melalui kaedah dalam talian (min = 4.08; SP = 0.640). Dari segi kekerapan dan peratusan, 15 orang guru (24.6%) menyatakan sangat setuju, 36 orang guru (59.0%) menyatakan setuju, dan 10 orang guru (16.4%) menyatakan sederhana setuju.

Sebaliknya, item dengan min paling rendah ialah guru yang mengutamakan penggunaan kaedah tradisional berbanding kaedah-kaedah baharu dalam PdPc (min = 3.33; SP = 0.978). Dari segi kekerapan dan peratusan, 5 orang guru (8.2%) menyatakan sangat setuju, 25 orang guru (41%) menyatakan setuju, 18 orang guru (29.5%) menyatakan sederhana setuju, 11 orang guru (18.0%) menyatakan tidak setuju, dan 2 orang guru (3.3%) menyatakan sangat tidak setuju.

Jadual 2: Tahap Kesiediaan GPI JAIS Dalam Pengajaran Berasaskan Pengajaran dalam Talian (Perancangan Guru)

Bil	Perancangan GPI Pengajaran dalam Talian	Frekuensi (Peratusan)					Min	Sp.	Interpretasi
		STS	TS	ST	S	SS			
B1	Saya menggabunjaln aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdPc) yang berkait dengan dunia sebenar melalui kaedah dalam talian	0 (0.0)	0 (0.0)	10 (16.4)	36 (59.0)	15 (24.6)	4.08	0.640	Tinggi
B2	Saya komited dalam menyediakan perancangan	0 (0.0)	0 (0.0)	10 (16.4)	38 (62.3)	13 (21.3)	4.05	0.617	Tinggi

	pengajaran secara dalam talian								
B3	Saya merekabentuk aktiviti PdPc berbentuk interaktif yang memberi peluang kepada pelajar berinteraksi dengan rakan sebaya, guru dan kandungan kursus	0 (0.0)	0 (0.0)	14 (23.0)	31 (50.8)	16 (26.2)	4.03	0.706	Tinggi
B4	Saya mengutamakan penggunaan kaedah kuliah secara dalam talian Ketika PdPc	0 (0.0)	6 (9.8)	20 (32.8)	30 (49.2)	5 (8.2)	3.56	0.786	Sederhana Tinggi
B5	Saya mengutamakan penggunaan kaedah tradisional berbanding kaedah-kaedah baharu dalam PdPc.	2 (3.3)	11 (18.0)	18 (29.5)	25 (41.0)	5 (8.2)	3.33	0.978	Sederhana Tinggi
B6	Saya memperuntukkan masa yang banyak untuk persediaan pengajaran secara dalam talian berbanding pengajaran bersemuka	0 (0.0)	4 (6.6)	13 (21.3)	39 (63.9)	5 (8.2)	3.74	0.705	Sederhana Tinggi
	Jumlah keseluruhan						3.79	0.738	Sederhana Tinggi

Kemampuan guru menggabungkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdPc) dengan dunia sebenar melalui kaedah dalam talian merupakan salah satu strategi yang tepat dalam Pendidikan Islam. Strategi penstrukturan penyampaian dan pengajaran GPI berasaskan multimedia perlu disesuaikan dengan budaya Pendidikan Islam yang sebenar. Ini bertujuan untuk menjaga tradisi iklim pembelajaran Islam melalui pelbagai pendekatan serta menjelaskan secara holistik pengajaran Pendidikan Islam, termasuk lima hukum utama iaitu wajib, sunat, harus, makruh, dan haram. Dengan demikian, kesalahan penafsiran dalam kalangan pelajar dapat dielakkan. (Yusopp, 2002; Nawi M.Z.M, 2020).

Oleh itu, isu guru yang lebih mengutamakan penggunaan kaedah tradisional berbanding kaedah-kaedah baharu dalam PdPc dapat diatasi dengan melihat kepentingan gabungan teknologi sebagai satu keperluan dalam pengajaran guru. Menurut Jaafar & Tamuri (2012) ,terdapat beberapa strategi dalam perancangan pengajaran yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w yang tidak hanya tertunmpu pada satu kaedah sahaja. Oleh sebab itu, pengajaran guru bagi Pendidikan Islam juga turut memerlukan perubahan sejajar dengan perkembangan teknologi komunikasi abad ke-21. Jika menggunakan hanya satu elemen media sebagai alat PdP Pendidikan Islam sahaja ianya tidak memadai. Pendekatan multimedia dalam pendidikan Islam perlulah bersifat terbuka supaya dapat menghasilkan pengalaman yang menggembirakan sekaligus berupaya mempengaruhi perasaan dan emosi pelajar dalam proses PdPc (Nawi M.Z.M, 2020).

b. Aktiviti Guru

Jadual 3: Tahap Kesiapan GPI JAIS Dalam Pengajaran Teradun Berasaskan Pengajaran dalam Talian (aktiviti guru)

Bil	Frekuensi (Peratusan)	Min	Sp.	Interpretasi
-----	-----------------------	-----	-----	--------------

	Aktiviti GPI Pengajaran dalam Talian	STS	TS	ST	S	SS			
B7	Saya melibatkan diri dalam bengkel, perbincangan, seminar dan forum yang dijalankan secara dalam talian	0 (0.0)	1 (1.6)	10 (16.4)	35 (57.4)	15 (24.6)	4.05	0.693	Tinggi
B8	Saya berkemahiran dalam menyediakan bahan-bahan pengajaran secara dalam talian	0 (0.0)	7 (11.5)	30 (49.2)	19 (31.1)	5 (8.2)	3.36	0.797	Sederhana Tinggi
B9	Saya peka berkaitan undang-undang hakcipta apabila menggunakan bahan yang mempunyai hakcipta dalam pendidikan	0 (0.0)	4 (6.6)	15 (24.6)	31 (50.8)	11 (18.0)	3.80	0.813	Sederhana Tinggi
B10	Saya menggunakan media sosial untuk berkomunikasi dengan pelajar dan rakan sekerja	0 (0.0)	4 (6.6)	10 (16.4)	37 (60.7)	10 (16.4)	3.87	0.763	Sederhana Tinggi
	Jumlah keseluruhan						3.77	0.766	Sederhana Tinggi

Berdasarkan jadual 3 pula menunjukkan bahawa setiap item dalam subkonstruk tahap kesediaan GPI JAIS dalam pengajaran secara dalam talian berasaskan aktiviti guru berada pada tahap sederhana tinggi. Item yang mempunyai min paling tinggi ialah guru melibatkan diri dalam bengkel, perbincangan, seminar dan forum yang dijalankan secara dalam talian (min = 4.05; SP = 0.693). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 15 orang (24.6%) guru menyatakan sangat setuju, seramai 35 orang (57.4%) guru menyatakan setuju, seramai 10 orang (16.4%) guru menyatakan sederhana setuju dan seramai 1 orang guru (1.6%) menyatakan tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah guru berkemahiran dalam menyediakan bahan-bahan pengajaran secara dalam talian. (min = 3.36; SP = 0.797). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 5 orang (8.2%) guru menyatakan sangat setuju, seramai 19 orang (31.1%) guru menyatakan setuju, seramai 30 orang (49.2%) guru menyatakan sederhana setuju dan seramai 7 orang guru (11.5%) menyatakan tidak setuju.

Berdasarkan kajian ini, tahap kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pembelajaran secara dalam talian di tahap sederhana. Dari aspek perancangan guru, Terdapat beberapa perkara di tahap memuaskan antaranya keutamaan penggunaan kaedah kuliah secara dalam talian ketika PdPc di peringkat sederhana. Di samping itu, segelintir guru kurang memperuntukkan masa yang banyak untuk persediaan pengajaran secara dalam talian berbanding pengajaran bersemuka. Menurut Noraini Mohamed Noh et al. (2013), elemen inovasi, terutamanya teknologi maklumat, memberikan sumbangan terbesar dalam e-pembelajaran dan efikasi sendiri komputer. Dalam konteks ini, guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri komputer yang tinggi cenderung untuk lebih suka mengintegrasikan ICT dalam PdPc berbanding guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri komputer yang rendah. Perkembangan masa dan kemajuan teknologi menuntut GPI JAIS untuk bersikap positif dalam menggunakan multimedia atau teknologi maklumat sebagai sebahagian daripada bahan pengajaran (Maimun Aqsha Lubis et al., 2017).

Latihan-latihan pengajaran sering kali tidak diimbangi dengan amalan yang konsisten dalam penggunaan teknologi, serta kurangnya pemantauan berterusan dari pihak pengurusan sekolah. Kondisi ini menyebabkan ruang bagi guru-guru untuk enggan mencuba teknologi dalam proses pengajaran yang sudah sedia ada. Salah satu faktor utama adalah guru tidak dilatih dengan baik untuk menghubungkan teknologi dengan pengetahuan kandungan mereka. Bagi guru-guru yang berpengalaman dan memiliki pengetahuan mendalam dalam pedagogi, mereka cenderung lebih mudah mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran. Namun, bagi mereka yang kurang berpengetahuan mengenai alat teknologi tertentu, proses ini menjadi lebih sukar (Yusup Hashim, 2012). Isu penolakan terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran bukanlah fenomena yang hanya terjadi di Malaysia, tetapi juga dialami di banyak negara lain. Tujuan dari penggunaan teknologi dalam konteks ini adalah untuk membantu memudahkan proses kerja guru dalam menyampaikan pengajaran sehingga matlamat dan keperluan kurikulum dapat dicapai dengan lebih baik (Hapini Awang et al., 2020).

Tambahan lagi, guru-guru pendidikan Islam yang tidak mempunyai ikhtisas perguruan telah menyumbang kekurangan kualiti dan kuantiti guru dalam pengajaran atas talian. Keperluan untuk memiliki ikhtisas dalam perguruan dalam kalangan guru Pendidikan Islam telah menjadi isu yang diperhatikan kerana kepentingannya menawarkan pendidikan berkualiti (Sapie Sabilan et al., 2015). Dalam konteks kerjaya pendidikan, Ikhtisas adalah faktor utama yang menentukan kualiti guru dan kualiti pengajaran (Mohd Faez Illias et al., 2017). Dalam hal ini, keberkesanan pengajaran guru-guru memerlukan keupayaan untuk mengintegrasikan isu-isu semasa dengan isi pelajaran serta pengalaman mengajar (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fatimah Sahida Abdurajak, 2018). Khalid Johari et al. (2009) mencadangkan bahawa guru-guru dengan ikhtisas dalam perguruan mempunyai keberkesanan pengajaran yang tinggi. Status ikhtisas dalam perguruan memberikan impak yang besar terhadap kualiti guru, pengajaran mereka, dan pengalaman mereka. Oleh itu, penguasaan pengetahuan dalam bidang pengajaran menjadi ciri yang paling penting dalam pengajaran guru. Pandangan ini juga sejajar dengan pandangan Ab Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi (2012) yang menggariskan bahawa latihan guru harus memberi tumpuan kepada elemen personaliti guru, pengetahuan subjek, pedagogi, kepelbagaian kemahiran, dan motivasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

4.3 Tahap Kesiapan Responden Melaksanakan Pengajaran Secara Dalam Talian Mengikut Pengalaman.

a. Perancangan Guru

Jadual 4: Tahap Kesiapan GPI JAIS Dalam Pengajaran Teradun Berasaskan Pengajaran dalam Talian (Perancangan Guru mengikut Pengalaman Mengajar)

Perancangan GPI	Pengalaman Guru	1		2		3		4		5		Jumlah	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%

B1: Menggabungkan aktiviti (PdPc) yang berkait dengan dunia sebenar melalui kaedah dalam talian.	5 - 10 tahun	0	0.0%	0	0.0%	1	10.0%	8	22.2%	8	53.3%	17	27.9%
	11 - 15 tahun	0	0.0%	0	0.0%	4	40.0%	11	30.6%	1	6.7%	16	26.2%
	16 tahun dan ke atas	0	0.0%	0	0.0%	5	50.0%	17	47.2%	6	40.0%	28	45.9%
B2: Komited dalam menyediakan perancangan pengajaran secara dalam talian	5 - 10 tahun	0	0.0%	0	0.0%	2	20.0%	9	23.7%	6	46.2%	17	27.9%
	11 - 15 tahun	0	0.0%	0	0.0%	3	30.0%	12	31.6%	1	7.7%	16	26.2%
	16 tahun dan ke atas	0	0.0%	0	0.0%	5	50.0%	17	44.7%	6	46.2%	28	45.9%
B3: Merekabentuk aktiviti PdPc secara interaktif	5 - 10 tahun	0	0.0%	0	0.0%	2	14.3%	9	29.0%	6	37.5%	17	27.9%
	11 - 15 tahun	0	0.0%	0	0.0%	4	28.6%	10	32.3%	2	12.5%	16	26.2%
	16 tahun dan ke atas	0	0.0%	0	0.0%	8	57.1%	12	38.7%	8	50.0%	28	45.9%
B4: Mengutamakan kuliah secara dalam talian .	5 - 10 tahun	0	0.0%	0	0.0%	5	25.0%	11	36.7%	1	20.0%	17	27.9%
	11 - 15 tahun	0	0.0%	2	33.3%	4	20.0%	9	30.0%	1	20.0%	16	26.2%
	16 tahun dan ke atas	0	0.0%	4	66.7%	11	55.0%	10	33.3%	3	60.0%	28	45.9%
B5: Mengutamakan penggunaan kaedah tradisional.	5 - 10 tahun	1	50.0%	2	18.2%	5	27.8%	8	32.0%	1	20.0%	17	27.9%
	11 - 15 tahun	1	50.0%	2	18.2%	4	22.2%	9	36.0%	0	0.0%	16	26.2%
	16 tahun dan ke atas	0	0.0%	7	63.6%	9	50.0%	8	32.0%	4	80.0%	28	45.9%
B6:Memperuntukkan masa yang banyak untuk persediaan Pdpc secara d. talian	5 - 10 tahun	0	0.0%	2	50.0%	4	30.8%	9	23.1%	2	40.0%	17	27.9%
	11 - 15 tahun	0	0.0%	1	25.0%	3	23.1%	12	30.8%	0	0.0%	16	26.2%
	16 tahun dan ke atas	0	0.0%	1	25.0%	6	46.2%	18	46.2%	3	60.0%	28	45.9%

Berdasarkan jadual 4, Tahap kesediaan GPI JAIS dalam pengajaran dalam talian berasaskan perancangan GPI JAIS mengikut Pengalaman Mengajar. Dapatan kajian menunjukkan guru yang mempunyai pengalaman 16 tahun dan ke atas mempunyai kekerapan yang tinggi dalam semua aspek perancangan seperti Mereka bentuk aktiviti PdPc secara interaktif 50 peratus sangat setuju, 60 peratus sangat setuju Mengutamakan kuliah secara dalam talian, Mengutamakan penggunaan kaedah tradisional sebanyak 80 peratus sangat setuju dan Memperuntukkan masa yang banyak untuk persediaan Pdpc secara dalam talian sebanyak 60 peratus sangat setuju. Manakala aspek menggabungjalin aktiviti (PdPc) yang berkait dengan dunia sebenar melalui kaedah dalam talian pula lebih didominasi oleh guru yang mempunyai pengalaman 5 hingga 10 tahun sebanyak 53 peratus sangat setuju.

Hal ini menunjukkan penggunaan secara dalam talian lebih diaplikasikan oleh guru muda. Golongan guru lama masih berpegang dengan kaedah pengajaran tradisional berbanding pendekatan moden. Kajian Mashira (2019) menunjukkan masih terdapat guru tidak menguasai teknologi masa kini. Selain itu, terdapat guru

yang masih terikat dengan isi kandungan dalam buku teks mata pelajaran Pendidikan Islam yang menyebabkan PdP kelihatan lesu dan hambar (Wardyawaty Rajikal dan Isa, 2020). Maka perancangan pengajaran GPI berasaskan pembelajaran dalam talian dengan bantuan aplikasi tertentu mampu memenuhi strategi pengajaran yang bervariasi dan boleh menggantikan buku atau sumber PdP secara bersemuka selain menggalakkan penerapan kemahiran mengakses maklumat dan bahan di mana sahaja yang dirasakan selesa, bahkan Implikasi daripada itu, berlaku kerjasama antara pelajar dengan guru. (Nawi M.Z.M, 2020)

b. Aktiviti Guru

Jadual 5: Tahap Kesiediaan GPI JAIS Dalam Pengajaran Berasaskan Pengajaran Atas Talian (Aktiviti Guru mengikut Pengalaman Mengajar)

Aktiviti GPI	Pengalaman Guru	1		2		3		4		5		Jumlah	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
B7: Menglibatkan diri dalam bengkel, perbincangan, seminar dan forum secara dalam talian.	5 - 10 tahun	0	0.0%	0	0.0%	3	30.0%	9	25.7%	5	33.3%	17	27.9%
	11 - 15 tahun	0	0.0%	0	0.0%	5	50.0%	9	25.7%	2	13.3%	16	26.2%
	16 tahun dan ke atas	0	0.0%	1	100.0%	2	20.0%	17	48.6%	8	53.3%	28	45.9%
B8: Berkemahiran menyediakan bahan Pdpc secara dalam talian	5 - 10 tahun	0	0.0%	0	0.0%	7	23.3%	8	42.1%	2	40.0%	17	27.9%
	11 - 15 tahun	0	0.0%	2	28.6%	9	30.0%	4	21.1%	1	20.0%	16	26.2%
	16 tahun dan ke atas	0	0.0%	5	71.4%	14	46.7%	7	36.8%	2	40.0%	28	45.9%
B9: Peka berkaitan undang-undang hakcipta apabila menggunakan bahan dalam pendidikan.	5 - 10 tahun	0	0.0%	1	25.0%	1	6.7%	12	38.7%	3	27.3%	17	27.9%
	11 - 15 tahun	0	0.0%	1	25.0%	6	40.0%	7	22.6%	2	18.2%	16	26.2%
	16 tahun dan ke atas	0	0.0%	2	50.0%	8	53.3%	12	38.7%	6	54.5%	28	45.9%
B10: Menggunakan media sosial untuk berkomunikasi dengan pelajar dan rakan sekerja.	5 - 10 tahun	0	0.0%	0	0.0%	0	0.0%	12	32.4%	5	50.0%	17	27.9%
	11 - 15 tahun	0	0.0%	2	50.0%	1	10.0%	12	32.4%	1	10.0%	16	26.2%
	16 tahun dan ke atas	0	0.0%	2	50.0%	9	90.0%	13	35.1%	4	40.0%	28	45.9%

Jadual 5 di atas menunjukkan GPI JAIS yang mempunyai pengalaman 16 tahun dan ke atas lebih cenderung memperuntukkan masa yang banyak untuk persediaan Pdpc secara dalam talian sebanyak 53 peratus sangat setuju dan mempunyai kepekaan berkaitan undang-undang hakcipta apabila menggunakan bahan dalam Pendidikan sebanyak 54.5 peratus sangat setuju. Perkara ini berlaku kerana hambatan serta keperluan Pendidikan masa kini yang memerlukan guru

menggunakan teknologi dalam talian untuk tujuan PdPc. Wan Ismail et. al (2016) mengatakan kesiapan GPI daripada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap menjamin keberkesanan dalam proses PdP. bahkan kesiapan guru dalam mengguna pakai teknologi maklumat (ICT) dalam mata pelajaran PI perlu ditingkatkan dalam membuat rujukan sumber PdPc melalui penggunaan teknologi dan multimedia seperti internet. (Maimun et. al., 2017)

Manakala golongan guru yang mempunyai pengalaman 5 hingga 10 tahun lebih menggunakan media sosial untuk berkomunikasi dengan pelajar dan rakan sekerja sebanyak 50 peratus sangat setuju berbanding tahap pengalaman guru yang lain. Seterusnya guru yang mempunyai pengalaman 16 tahun dan ke atas serta guru yang mempunyai pengalaman 5 hingga 10 tahun masing-masing mempunyai kemahiran menyediakan bahan PdPc secara dalam talian dengan 40 peratus sangat bersetuju. Hal ini menunjukkan GPI JAIS mempunyai pengalaman dalam penggunaan teknologi melalui media sosial dalam kehidupan dan pengajaran. Menurut Lovorn, (2017), Tempoh pengalaman mengajar guru sepanjang perkhidmatan mereka adalah mempengaruhi keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan. Tambahan pula, Teknologi merupakan elemen penting untuk dikuasai oleh guru sebelum disampaikan kepada murid untuk dipelajari dan dikuasai. Dimana penggunaan teknologi perlu dipupuk selari dengan peredaran zaman dan perlu dikuasai oleh guru dan murid (Wardyawaty Rajikal dan Isa, 2020)

5.0 RUMUSAN

Tahap kesiapan GPI JAIS dalam melaksanakan pembelajaran secara dalam talian secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana tinggi. Penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kesiapan GPI JAIS dari aspek perancangan pengajaran dengan penggunaan kuliah secara dalam talian dan peruntukan masa yang lebih banyak untuk pengajaran dalam talian. Manakala dari aspek aktiviti pula, guru perlu menambah kemahiran menggunakan bahan pengajaran secara dalam talian, mengetahui akta atau undang-undang berkaitan hakcipta dan sentiasa menggunakan media dalam berkomunikasi dengan murid dan rakan sekerja.

Manakala aspek pengalaman mengajar pula guru yang mempunyai tempoh 16 tahun mengajar mempunyai lebih kesiapan dari aspek perancangan dan aktiviti pengajaran. Walau bagaimana pun guru yang mempunyai pengalaman 5 hingga 10 tahun mampu menggabungkan pembelajaran melalui dalam talian, bersifat komited dan berkemahiran dalam pengajaran secara dalam talian serta mampu berkomunikasi secara dalam talian dengan murid dan rakan sekerja berbanding dengan guru yang mempunyai tempoh pengalaman 11 hingga 16 tahun.

Kajian ini juga mencadangkan terhadap perkara berikut;

- a. Pihak majikan perlu secara berkala dan berfokus melatih GPI JAIS dalam pengetahuan, kemahiran, dan sikap berkaitan penggunaan pembelajaran dalam talian berasaskan teknologi. Amalan pencerapan dan refleksi guru dalam pengajaran perlu ditingkatkan dengan pemantauan berterusan.

- b. Tahap kemudahan prasarana dan sistem sokongan pembelajaran perlu ditingkatkan dengan menyediakan makmal komputer, bilik persediaan bahan bantu mengajar, wifi, perisian pengajaran, dan bilik multimedia. Prasarana ini diperlukan untuk mengumpul maklumat PdPc, menyediakan bahan bantu mengajar, meningkatkan kemahiran pengajaran, dan mengaplikasikan ICT

6.0 RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Mohamad Amir Danuri, Mohd Kamal Radiman, Suhana Mohamed Lip, Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Zetty Nurzuliana Rashed, Abdul Basir Mohd Anuar, & Mohd Izzuddin Mohd Pisol. (2015). *Laporan Akhir Penilaian Kepuasan Bekerja Dan Kewajaran Kenaikan Elaun Guru Dan Ketua/Penolong Ketua Guru Kafa Negeri Selangor*.
- Ab Halim Tamuri, Muhammad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53–63. www.gjat.my
- Affezah Ali, Hamdan Mohd Salleh, Angela Chan Nguk Fong, & Zukhuriatul H Mhd Yusof. (2017). Analisa Keperluan Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama Di Selangor. *National Pre Seminar*, 23, 116–129.
- Ahmad Munawwar Ismail. (2009). *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ashraf M.Zedan. (2015). An innovative Teaching Method in Islamic Studies: the Use of PowerPoint in University of Malaya as Case Study. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 182, 543 – 549
- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Umar, & Supyan Hussin. (2009). *Peranan Negeri Dalam Memperkukuhkan Sistem Madrasah di Malaysia: Kajian Ke atas Pelaksanaan Sekolah Agama Rakyat (SAR) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)*. October 2015, 1–17.
- Azizi Umar, Supyan Hussin, Shaharuddin Pangilun, Ikmal Zaidi Hashim, Imran Kamal Basah, Mohd Kamal Radiman, & Abdul Fattah Pardon. (2013). Masalah pengurusan dan keperluan Sekolah Agama Rakyat (Sar) /Kelas Al-Quran dan fardu ain (Kafa) persendirian di Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajian Islam*, 1(5), 136–161.
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2013). *Pelan Strategik JAIS 2015-2019*.
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2018). *Modul Latihan PKG JAIS: Kursus Pedagogi Pendidikan*.

- Bluestone, J., Johnson, P., Ruparelia, C., Stender, S., Thomas, U., & Yigsaw, T. (2012). *Effective Teaching Skills: A Blended Learning Approach*. www.jhpiego.org
- Buell, M., Hallam, R., Gamel-McCormick, M. & Scheer, S. (1999). A survey of general and special inservice needs concerning inclusion. *International Journal of Disability, Development and Education* 46: 143-156
- Brookhart, S. M. (2012). Expending Views About Formative Classroom Assessment: A Review of the Literature, dalam McMillan J. H (eds). *Formative Classroom Assessment: Theory into Practice*. New York. Teachers College Press. 43–62
- Hapini Awang, Zahurin Mat Aji, Wan Rozaini Sheik Osman, Erwani Kamaruddin, Abdulrazak F. Shahatha Al-Mashhadani, & Shakiroh Khamis. (2020). Cabaran Dalam Melaksanakan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi: Analisis Kes Persekitaran Pembelajaran Maya-Frog Serta Strategi Untuk Melestarikan Penggunaan Google Classroom Dalam Kalangan Guru. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 1(1), 1–19.
- Jaafar, N. & Tamuri, A.H. (2012) Hubungan antara efikasi sendiri dengan kualiti guru pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(1), 41-60, ISSN 1985-6236
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman, & Ahmad Tajuddin Othman. (2009). Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 3–14.
- Lovorn, M. (2017). Thinking historically, acting locally: Training teachers in historiographical Analysis of local monuments. *Multidisciplinary Academic Conference*, 9 Mac 2017.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Haslan, & Mohd Isa Hamzah. (2017). Tahap Pengetahuan dan Kesiediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 1–13.
- Mashira Yahaya, Rsyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana osman, Khairul Anuar Bahrain. (2019). Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) GuruGuru Sekolah Rendah. *Jurnal*
- Mohd Aderi Che Noh, Mohd Fuad Othman, Maimun Aqsha Lubis. (2014). Pengajaran Berkesan Berasaskan Kaedah Kontekstual Dalam Pendidikan Islam. *Prosiding. Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsan Siri Ke-10 (WPI10)*
- Mohd Anuar Mamat. (2014). Teknik Soal-Jawab Dalam Pengajaran Imam Abu Hanifah (M.150H/767M): Suatu Analisis Terhadap Kitab AL-'ALIM WA ALMUTA'ALLIM *The Online Journal Of Islamic Education Special Issue*.
- Mohd Amirul Bashah & Hafizhah Zulkifli. (2022). Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Penerapan Pendidikan Digital [Issues and Challenges of Islamic Education Teachers in The Implementation of Digital Learning]. *International*

Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE), 2(1), 43-55.

Mohd Syaubari Bin Othman, (2021), Pelaksanaan Pengajaran Yang Menyumbang Kepada Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam, Jurnal IPDA, Bil 28.

Mohammad Amir Danuri. (2017). Kertas Dasar Dan Hala Tuju Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor. In *Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor*.

Mohd Faez Illias, Zetty Nurzuliana Rashed, Ahmad Shafiq Mat Razali, & Muhammad Syakir Sulaiman. (2017). Penilaian Terhadap Pelaksanaan Sistem Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama JAIS. *4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017)*, 1–23.

Muhammad Qutb. (1988). Sistem Pendidikan Islam. Terj. Salman Harun. Bandung: Al-Ma'rif

Murphy, J. (1987). Assessing and developing, principal instructional leadership. *Education Leadership*, 56-61

Nawi, M. Z. M. (2020). Transformasi pengajaran dan pembelajaran multimedia dalam pendidikan Islam: Satu perbincangan. *Journal of ICT in Education*, 7(2), 14-26. <https://doi.org/10.37134/jictie.vol7.2.2.2020>

Nor Raudah Siren, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Siti Jamiyah Abdul Jalil, & Azrin Ab Majid. (2018). Kepelbagaian Pengurusan Sekolah Agama Rakyat di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 13(1), 45–56. <https://doi.org/10.22452/jat.vol13no1.5>

Nor Raudhah Siren, Azrin Ab. Majid, & Siti Jamiyah Abdul Halim. (2013). Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia. *Prosiding International Seminar On Islamic Malay World, Bandung.*, 206–221. https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00001227_98528.pdf

Noraini Mohamed Noh, Hani Merylina Ahmad Mustafa, Mahizer Hamzah, Mohd Arif Ismail, & Norazilawati Abdullah. (2013). Penggunaan Inovasi Teknologi Dalam Pengajaran: Cabaran Guru Dalam E-Pembelajaran. *Proceedings Of The 7th International Malaysian Educational Technology Convention (IMETC 2013), Technology Enhanced Global Classroom Environment*, 1–12.

Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila & Mashita Abu Hassan. (2019). Amalan kualiti guru Dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. *Journal of Management and Operation Research* 1(4): 1–23.

Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip, Shazarina Dzainal Abidin & Suziana Hanini Sulaiman. (2022). Tahap Kesiediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Melaksanakan Pembelajaran Teradun Berasaskan Kemahiran Teknologi. Kertas kerja seminar 5th International Seminar on Education Issues (ISPEN 2022). Universiti Islam Selangor (UIS), Volume: 5

- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip, Zetty Nurzuliana Rashed, Rekkeman Kusut, Suziana Hanini Sulaiman, & Siti Nga'ishah Mohni. (2015). Tahap Kesesuaian Matlamat Dan Hasil Pembelajaran Kursus Praktikum (Latihan Mengajar) Kendalian Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) Menurut Persepsi Guru-Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Kuis : Satu Tinjauan Awal. *Tamu*, 1(1(1) Jun 2015), 118–128.
- Sylviano Abu Bakar & Hasmadi Hassan. (2019). Tahap Keperolehan Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan Teknologi Mudah Alih Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 1(6): 82–89.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Fatimah Sahida Abdurajak. (2018). Pengalaman Pengajaran Guru Novis Pendidikan Islam: Implikasi terhadap Reka Bentuk Kurikulum Latihan Pendidikan Guru (Islamic Education Novice Teachers' Teaching Experiences: Implications towards Teacher Training Curriculum Design). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 59–66. <https://doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.01-08>
- Yusup Hshim. (2012). Penggunaan e-Pembelajaran Dalam Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan. *Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru, October 2012*, 1–25.
- W. A. Wan Ismail, W. I. Muhammad, M. A. Lubis, Mohd Isa Hamzah. (2016). Kesiapan guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor Terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Journal of Advanced research in Applied Sciences and Engineering Technology*. Vo. 3(1). Pg 79-92. eISSN 2462-1943
- Wardyawaty Rajikal & Mohd Isa Hamzah. (2020). Kajian Sistematis Pengajaran Abad Ke-21 (Pak21) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). *Jurnal al-Tarbawi Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, Vol 4 No. 2 (2020), 103-113
- You Eng, C., & Choon Keong, T. (2019). Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan di Malaysia: Satu Kajian Meta Analisis. *Journal Of ICT In Education* 6: 86–95
- Yusopp, A. (2002). *Kurikulum Baru Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia Menghadapi Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

